

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN NO. 401

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan bagi menyelenggara dan membaik pulih jalan-jalan ladang di bawah kelolaan MADA, khususnya dalam Parlimen Jerai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bertanggungjawab di dalam melaksana dan menaiktaraf jalan ladang di dalam Kawasan Muda. Terdapat 1,990.7 km jalan ladang di seluruh Kawasan Muda dengan jumlah panjang jalan ladang di dalam Kawasan Parlimen Jerai adalah sebanyak 341.149 km (17%). Pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan jalan ladang oleh MADA adalah berdasarkan kesediaan peruntukan yang diterima melalui Belanjawan Mengurus MADA dan juga daripada lain-lain sumber yang berkaitan seperti Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) dan peruntukan Projek Pemacu Pertanian. Keutamaan kerja-kerja penyenggaraan jalan-jalan ladang di bawah MADA adalah berdasarkan tahap kerosakan yang dialami serta ketersediaan peruntukan yang diterima.

Pada tahun 2019 sebanyak RM 2.68 juta telah diterima oleh MADA bagi membiayai penyenggaraan dan baikpulih jalan ladang iaitu RM 0.25 juta daripada BPSP manakala RM 2.430 juta daripada peruntukan Projek Pemacu Pertanian.

Bagi Parlimen Jerai, peruntukan yang disalur untuk tujuan penyenggaraan dan baikpulih jalan ladang tahun 2019 adalah sejumlah RM 239,102 melibatkan panjang jalan sejumlah 15.94 km.